

Semua mangsa bencana di Terengganu, Sabah dibenarkan pulang ke rumah

Keadaan banjir semakin pulih

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK dan KAMARIAH KHALIDI

KUANTAN - Keadaan banjir di Pahang semakin pulih apabila hanya 451 mangsa yang masih ditempatkan di 11 buah pusat pemindahan semalam berbanding 1,256 orang semalam kelmarin.

Menurut Portal Info Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat, daerah Pekan menempatkan mangsa paling ramai iaitu 290 orang, diikuti Maran seramai 118 mangsa dan Bera sebanyak 43 orang.

Enam buah pusat pemindahan yang masih beroperasi di Pekan ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Temai, Balai Raya Kampung Menchupu, Pusat Pemindahan Banjir Kampung Pulau Manis, Balai Raya Kampung Tanjung Pulai, SK Acheh dan Balai Raya Kampung Tebat.

Menurut Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, Zainal Yusoff, penurunan bilangan mangsa banjir itu didorong keadaan cuaca yang bertambah baik sejak pagi kelmarin.

"Sejak keadaan cuaca kembali pulih, sungai-sungai utama di Pahang juga menunjukkan trend penurunan ke tahap selamat. Bagaimanapun, Sungai Chini di Pekan masih berada pada tahap berbahaya dengan bacaan 15.72 meter," kata beliau.

Di Segamat, jumlah mangsa banjir di daerah ini tinggal 10



PENDUDUK, Amir Yasir Noridat membersihkan lumpur di kawasan rumahnya selepas banjir pulih sepenuhnya di Kampung Kuala Triang, Bera semalam.

orang setakat petang semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, berikutan itu pusat pemindahan di Balai Raya Kampung Mensudut Lama telah ditutup.

"Memandangkan keadaan banjir di Kampung Mensudut Lama pulih sepenuhnya, pusat pemindahan ditutup pukul 3 petang tadi (semalam).

"Kampung Balai Badang masih dilanda banjir dan penduduknya ditempatkan di SK Balai Badang," katanya dalam kenyataan.

Di Kuala Terengganu, banjir gelombang ketiga yang melanda

dua daerah di Terengganu pulih sepenuhnya selepas kesemua penduduk yang berpindah ke pusat pemindahan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing semalam.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Che Adam A. Rahman berkata, secara keseluruhan, penduduk di daerah Dungun dan Kemaman yang dipindahkan ke 20 buah pusat pemindahan sejak Isnin lalu melibatkan 2,980 mangsa daripada 752 keluarga.

"Kemaman merupakan daerah yang paling teruk terjejas dalam gelombang ketiga kali ini dengan 2,723 mangsa terpaksa



SITI Zuraidah Abdul Hamid mengalihkan barangan yang terjejas akibat banjir untuk dibersihkan di Kampung Tanjong Bukit Mentok, Kemaman.

dipindahkan selepas berlakunya pertembungan air pasang besar dengan air sungai di kawasan Hulu Kemaman yang melimpah pada Khamis lalu," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Di Kota Kinabalu, kesemua tiga pusat pemindahan yang beroperasi di Membakut ditutup secara rasmi pukul 3 petang semalam selepas keadaan banjir pulih sepenuhnya.

INFO BANJIR			
Negeri	Bilangan mangsa	Keluarga	Jumlah pusat pemindahan
Pahang (Sehingga pukul 5 petang)	451	152	11
Johor (Sehingga pukul 4 petang)	10	4	4

Sumber: Portal Info Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat

Kesemua 637 mangsa daripada 221 keluarga yang ditempatkan di pusat pemindahan itu dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing.